

Rumah meletup akibat gas bocor

Warga emas cedera, dinding flat runtuh angkara letupan

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Seorang warga emas cedera selepas berlaku letupan di rumahnya di tingkat 20, Desa Green, Jalan Paya Terubong pagi semalam.

Dalam kejadian jam 8.10 pagi itu, mangsa yang berusia 62 tahun mengalami kecederaan 80 peratus pada anggota badannya.

Kejadian dipercayai berlaku akibat kebocoran gas memasak ketika mangsa dikatakan sedang menyalakan api untuk menghisap rokok.

Difahamkan, percikan daripada pemetik api menyebabkan ia menyambar gas yang bocor hingga berlaku letupan kuat.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Paya Terubong, Muzamer Mohd Salleh berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 8.23 pagi.

"Ketika tiba di lokasi, kita mendapati seorang lelaki mengalami kecederaan dan dikejarkan ke hospital.

"Siasatan mendapati dua rumah terjejas akibat



FOTO: IHSAN BOMBA



Mangsa alami kecederaan dalam kejadian letupan di Jalan Paya Terubong semalam.

dinding runtuh di koridor dan juga bahagian belakang kerana letupan yang berlaku sebelum itu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Tambahnya, rumah mangsa mengalami 60 peratus kerosakan manakala rumah di sebelahnya hanya 20 peratus rosak.

Beliau berkata, pihaknya masih menyasat pun-

ca sebenar kejadian dan jumlah kerugian akibat letupan tersebut.

Sementara itu, anak mangsa, Lee Chye Soon, 38, berkata, ketika kejadian dia bersama isteri dan anak sedang tidur di dalam bilik manakala bapanya berada di ruang tamu.

"Saya terdengar bunyi letupan kuat lalu bergegas keluar dari bilik untuk melihat apa yang berlaku. Ketika itu, saya dapati bapa telah cedera dan pemetik api serta rokok berada berhampiran dengannya.

"Memang ada bau gas yang kuat dan saya kemudian terus mencabut hos penyambung gas. Saya tinggal di sini bersama keluarga dan bapa sejak 15 tahun lalu. Nasib baik bapa tidak cedera teruk dan isteri saya yang kini hamil tujuh bulan tidak mengalami kecederaan," katanya